

01 JAN 1999

Sabah-Pilihan Raya (Analisis Berita)  
PILIHAN RAYA SABAH PEMBUKA TIRAI 1999

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 1 Jan (Bernama) -- Tahun 1998 berlalu dengan spekulasi yang Sabah akan menyaksikan pilihan raya negeri pada tahun itu terbukti meleset.

Dan oleh kerana tempoh Dewan Undangan Negeri tidak boleh melebihi 18 Mac tahun baru ini, pilihan raya negeri kini sudah pasti peristiwa pembuka tirai politik bagi 1999.

Suasana, malah bahang pilihan raya sudah terasa walaupun dalam bulan Ramadan dengan semua parti politik sudah mempersiapkan jentera pilihan raya masing-masing bagi menghadapi pilihan raya negeri yang terakhir bagi abad ini di Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Sabah hujung November lepas, telah berkata pilihan raya negeri berkenaan akan menjadi kayu ukur bagi masa depan Barisan Nasional (BN).

"Dalam cara tertentu ia adalah satu kayu ukur walaupun tidak semestinya merupakan ukuran sepenuhnya mengenai masa depan BN," demikian menurut Pengerusi BN itu yang menyimpulkan pentingnya pilihan raya negeri yang kesembilan itu.

Sambil mengakui kepentingan pilihan raya itu kepada BN, kalangan pemerhati politik tempatan bagaimanapun melihat ia bukan sekadar ukuran kepada BN, malah kepada semua parti yang akan bertanding pada pilihan raya berkenaan.

Pada hakikatnya pilihan raya Sabah kali ini bakal menyediakan hampir semua jawapan kepada persoalan politik yang melanda negeri itu.

Antaranya termasuklah sama ada BN mampu membentuk semula kerajaan di Sabah melalui kemenangan calon-calonnya.

BN hanya mendapat 23 kerusi pada pilihan raya negeri 18-19 Feb 1994 berbanding 25 kerusi yang dimenangi Parti Bersatu Sabah (PBS), tetapi berjaya membentuk kerajaan apabila PBS kehilangan majoriti di Dewan Undangan Negeri selepas sebahagian besar wakil rakyatnya menyertai BN.

Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak dalam lawatannya ke Sabah, menasihati pemimpin dan anggota parti bekerja keras memastikan kemenangan dalam pilihan raya.

Parti pembangkang, PBS, juga tidak terlepas daripada ujian sejauh mana kemampuannya untuk memenangi kerusi pada pilihan raya itu.

Walaupun PBS mengharapakan kemenangan sekurang-kurangnya majoriti dua pertiga, iaitu 36 kerusi daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, parti itu tidak dapat lari daripada berhadapan dengan kenyataan bahawa persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri Sabah telah banyak melemahkan mereka.

PBS dikatakan mempunyai sokongan kuat di kawasan pengundi Bumiputera bukan Islam tetapi jumlah kerusi dengan majoriti kaum itu sudah berkurangan daripada 23 kawasan pada 1994 kepada hanya kira-kira 12 kawasan selepas pelaksanaan sempadan baru kawasan pilihan raya yang mula berkuatkuasa pada 1995.

Pilihan raya negeri akan datang juga akan menjadi kayu ukur kepada masa depan politik bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh yang kini memimpin Parti Bersekutu, sebuah parti pembangkang.

Antara ujian yang perlu dihadapi oleh Harris ialah sama ada kira-kira 700,000 pengundi di Sabah mahu membenarkan beliau kembali berkuasa selepas 13 tahun menyepi daripada arena politik.

Seorang wakil rakyat BN bagaimanapun berpendapat bahawa apapun

keputusan pilihan raya Sabah, BN di peringkat nasional tetap kukuh.

"Secara peribadi, saya tidak merasakan bahawa keputusan pilihan raya di Sabah akan membawa kesan yang besar kepada BN di seluruh negara kerana isu-isu pilihan raya di Sabah biasanya berkisar kepada isu-isu tempatan," kata seorang tokoh politik.

Kenyataan beliau itu ada asasnya jika ditinjau isu-isu yang sering dibangkitkan oleh pemimpin pembangkang, khususnya PBS yang diterajui Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Antara yang dibangkitkan termasuklah usaha parti itu untuk mempertahankan apa yang disifatkannya sebagai "hak-hak negeri" Sabah, selain isu yang berkaitan prestasi kerajaan negeri dalam membangunkan Sabah.

Isu-isu di peringkat daerah, termasuk pencapaian anggota Dewan Undangan Negeri di kawasan-kawasan tertentu turut mendapat perhatian meluas kerana ia dilihat mampu menarik perhatian pengundi di kawasan berkenaan.

Pada masa yang sama, pemimpin parti pembangkang di Sabah juga kelihatan tidak selantang parti pembangkang seperti PAS dan DAP di Semenanjung dalam mengkritik kepimpinan negara.

Perkara yang sama juga berlaku dalam parti Bersekutu yang turut kelihatan mahu menjarakkan diri daripada memperkatakan isu-isu nasional, sebaliknya hanya menumpukan sasaran kepada BN Negeri secara khusus.

Sambil bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa pilihan raya di Sabah tidak semestinya merupakan ukuran sepenuhnya terhadap masa depan BN, seorang lagi penganalisis politik berkata, Sabah mempunyai senario politik yang unik.

"Terdapat keadaan yang mana penyokong parti pembangkang sendiri mahu BN meneruskan pemerintahan di negara ini kerana yakin bahawa belum ada sebarang parti yang mampu menggantikan BN di peringkat nasional," kata beliau.

BN ketika ini menguasai 43 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri manakala PBS, empat kerusi. Seorang lagi anggota Dewan telah mengisytiharkan dirinya Bebas.

Daripada 43 kerusi yang dikuasai, 21 kerusi adalah daripada Umno, Parti Demokratik Sabah (PDS) (11 kerusi), SAPP (lima), Akar Bersatu (tiga), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) (dua) dan MCA (satu).

Tiga lagi parti komponen BN -- LDP, Gerakan dan MIC -- belum mempunyai wakil. Kuota enam anggota Dewan Undangan Negeri Dilantik kini terbahagi sama rata dengan BN dan PBS masing-masing dengan tiga anggota.

Ramalan yang popular ialah pilihan raya negeri akan diadakan sekitar Mac.

-- BERNAMA

JS PR